

03 AUG 1998

Negara-Buku

TINDAKAN MAHKAMAH TERHADAP BUKU MENGENAI ANWAR

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Polis sedang menjalankan siasatan terhadap semua aduan yang dibuat terhadap buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" dan tindakan mahkamah sedang difailkan bagi beberapa aduan itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam jawapan bertulis kepada soalan Senator Zainudin Maidin beliau berkata, antara aduan yang dibuat mengenai buku itu termasuk daripada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sukar mencegah penerbitan dan pengedaran buku yang berunsur negatif mengenai pemimpin negara selagi wujudnya golongan yang tidak bertanggungjawab menerbit dan mengedar penerbitan sedemikian.

Beliau berkata, mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, seseorang itu boleh menerbit dan mengedarkan apa-apa buku tanpa mendapat kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, sungguhpun begitu sekiranya kandungan sesebuah buku itu memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan atau moral maka tindakan mengharamkan buku itu boleh diambil oleh Kementerian.

"Kerajaan sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap bahan-bahan penerbitan selaras dengan peruntukan undang-undang yang ada," katanya.

-- BERNAMA

AKT PR